

USIM iktiraf bidang penyelidikan UMS

Oleh SITI AISYAH NARUDIN & HEDNISIAH MAIJAL

utusanborneokk@gmail.com
UB 21-12-2011 12

KOTA KINABALU: Bidang penyelidikan yang dijalankan di Universiti Malaysia Sabah (UMS) mendapat pengiktirafan daripada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Naib Canselor UMS, Briged Jen Prof Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Ampon berkata tiga bidang yang menjadi fokus utama UMS dalam bidang penyelidikan termasuklah Bioteknologi, Biologi Tropika dan Marin.

Menurutnya, UMS sememangnya diiktiraf kerana mempunyai penyelidikan yang baik terutamanya dalam ketiga-tiga bidang terbabit.

Justeru katanya, pengiktirafan daripada USIM bukannya membawa kepada jalinan kerjasama yang erat, namun ia turut membantu kedua-dua universiti untuk menjalankan perkongsian dalam pelbagai aspek pendidikan.

“Banyak bidang di UMS ini yang kita boleh kongsi bersama dengan USIM dan bidang penyelidikan antara pendekatan yang kita boleh terapkan kepada para pelajar,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) antara UMS dan USIM di sini kelmarin.

Majlis berkenaan turut disaksikan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah USIM, Tan Sri Dr Mohamad Yusof Md Noor.

Yusof berkata, antara lebih 20 buah institut pengajian tinggi awam (IPTA) di negara ini, USIM memilih UMS kerana ia mempunyai makna yang besar terhadap pembangunan di Sabah merangkumi faktor sosial dan ekonomi.

Katanya, UMS menjadi fokus kepada aktiviti berkaitan dengan pembangunan sosial dan ekonomi dan perkara itu yang melayakkan UMS menjalin kerjasama dengan USIM.

“Pembangunan yang dibawa UMS bukan setakat memberi kesan kepada Sabah malah kawasan sekitarnya.

“Ini kerana pelajar yang datang ke UMS bukan sahaja daripada Sabah, tetapi dari pelbagai kawasan di seluruh negara,” jelasnya.

Beliau berkata, perkara itu juga yang mengiktiraf UMS sebagai pusat penyelidikan yang aktif di Sabah.

Sehubungan itu, ia penting bagi pihaknya untuk memilih UMS sebagai rakan kerjasama strategik.

Sementara itu, Naib Canselor USIM, Prof Datuk Dr Muhamad Muda berkata kerjasama itu dijalankan dalam pelbagai peringkat termasuklah bagi pelajar, pensyarah dan kakitangan kedua-dua universiti.

Jelasnya, pelajar UMS boleh datang ke USIM secara rasmi untuk mengikuti pengajian selama satu atau dua semester melalui Program Pemindahan Jam Kredit dan begitu juga bagi pelajar USIM.

Muhamad berkata, program

pertukaran pensyarah dan kakitangan pentadbiran antara UMS dan USIM juga akan diadakan.

“Usaha ini membantu menambah pengalaman dan pendedahan dalam suasana kerja masing-masing.

“Kita juga berharap para kakitangan pentadbiran USIM ke UMS dapat memperolehi pengalaman tentang sistem yang ada di sini,” katanya.

Ini kerana, tambahnya, UMS lebih lama berbanding USIM dan banyak perkara boleh dilihat, diteroka dan digunakan sebagai penanda aras kepada pihak USIM.

Bagi ahli akademik, katanya, program seperti penyelidikan, penerbitan dan penulisan dapat dianjurkan bersama.

Turut hadir, Pendaftar UMS, Mejar (K) Datuk Abdullah Mohd Said, Pendaftar USIM, Muhammad Haizuan Rosli dan Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Omar Abdul Rahman.



MOU...Yusof (tiga kiri) bersama Omar (empat kiri) ketika menyaksikan Kamaruzaman (dua kiri) dan Muhamad (dua kanan) bertukar dokumen. Turut kelihatan Abdullah (kiri) dan Haizuan (kanan).